

Ahad, 22 March 2020 | 4:07pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (tiga dari kanan) mengadakan tinjauan bekalan makanan asas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan di Pasaraya Hero, hari ini. - NSTP/Noor Atiqah Sulaiman

COVID-19: Pertimbang beri sanitizer, topeng muka percuma

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mempertimbangkan memberi cecair pembasmi kuman atau 'hand sanitizer' serta topeng penutup mulut dan hidung secara percuma kepada orang ramai dalam menangani penularan wabak COVID-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata keputusan pemberian dua produk berkenaan terserah kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Perkara itu sudah dibincangkan tetapi bukan saya yang membuat keputusan, terserah kepada MKN."

"Kerajaan prihatin terhadap rakyat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan bekalan makanan asas di sini, hari ini.

Mengenai rungutan orang ramai terhadap kekurangan stok sanitizer dan topeng muka, Alexander berkata, kerajaan giat berusaha menambah jumlah produk berkenaan.

"Satu jawatankuasa sudah ditubuhkan diketuai oleh Menteri Kanan untuk mencari jalan bagi menampung kekurangan ini.

"Kerajaan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak topeng berkenaan dari negara luar. Selain topeng, kita juga akan membawa masuk 'hand sanitizer serta peralatan perlindungan diri (PPE).

"Ramai pengimport menyatakan kesediaan membawa masuk produk berkenaan ke negara ini, jadi diharapkan usaha ini akan meredakan serta mengatasi masalah kekurangan bekalan berkenaan," katanya.

Mengenai tinjauannya ke beberapa pasar raya di sini, Alexander berpuas hati dengan stok bahan makanan sedia ada.

"Kehadiran kami ialah untuk memantau keadaan sebenar keperluan bekalan asas di kawasan ini.

"Setakat ini saya berpuas hati kerana selain bekalan makanan asas mencukupi, kita lihat mereka tidak menaikkan harga barang.

"Bagaimanapun, kita ada mendapat laporan kekurangan bekalan makanan asas di kawasan lain berikutnya berlaku pembelian panik oleh orang ramai, namun tidak sampai ke tahap membimbangkan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667952/covid-19-pertimbang-beri-sanitizer-topeng-muka-percuma>